



SIARAN MEDIA

ISU: Tuduhan YBhg Datuk Husam Musa Ke Atas Telaga Jejari Dan Pelaksanaan Loji Rawatan Air Mini ADALAH TIDAK BENAR

1. Tuduhan terhadap AKSB atau YB Exco tiada kepakaran dan berpakat adalah tidak berasas. YB Exco tidak memerlukan kepakaran dalam bidang air untuk mengetuai Jawatankuasa berkaitan air. Yang penting adalah YB Exco melantik mereka yang mempunyai kepakaran untuk mengurus AKSB dan perkara ini telah terjadi apabila Pengurus Besar AKSB yang baru telah dilantik pada pertengahan 2019 dan struktur organisasi AKSB telah disusun sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2020 dan 2021 bagi memastikan mereka yang benar-benar layak mengetuai jabatan dan unit dalam Organisasi AKSB;
2. Tuduhan yang telaga jejari berkali-kali gagal adalah TIDAK BENAR. Penjelasan ke atas telaga jejari yang dituduh adalah sebagaimana berikut:
 - Telaga jejari untuk Loji Rawatan Air (**LRA**) Merbau Chondong berjaya beroperasi pada kadar rekabentuk (17 juta liter sehari-**JLH**);
 - Telaga jejari untuk LRA Wakaf Bharu beroperasi pada kadar 24 JLH. Bagi meningkatkan pengeluaran LRA Wakaf Bharu, air mentah tambahan diperolehi dari telaga tiub dan bukannya air sungai sebagaimana yang didakwakan;
 - Telaga jejari untuk LRA Kg Chap beroperasi pada kadar 11 JLH;

- Terdapat dua telaga jejari untuk LRA Kg. Telok dan berjaya beroperasi pada kadar rekabentuk 32 JLH. Kapasiti rekabentuk LRA Kg. Telok adalah 30 JLH tetapi pada masa ini hanya berupaya menghasilkan air terawat sebanyak 10 JLH sahaja yang menepati piawai Kementerian Kesihatan Malaysia. Dakwaan telaga jejari untuk LRA Kg Telok tidak ada air adalah TIDAK BENAR. LRA Kg Telok dibina menggunakan sistem rawatan air ozon.
3. Tuduhan pemasangan sistem rawatan air Chemiles di LRA Kg, Chap, LRA Taman Telok Mesira dan LRA Meranti Baru adalah TIDAK TEPAT kerana sistem ini hanya dipasang di LRA Kg. Chap dan akan dipasang di LRA Meranti Baru sahaja. Sistem rawatan air yang dipasang di LRA Taman Telok Mesira adalah sistem NR Cavitation. Sistem NR Cavitation direkabentuk oleh sekumpulan saintis tempatan yang berpangkalan di Pengkalan Chepa dan telah dikategorikan sebagai projek perintis oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Pembangunan LRA Taman Telok Mesira dan LRA Meranti Baru telah dibuat secara rundingan terus oleh AKSB kerana sistem NR Cavitation dan sistem Chemiles adalah hak mutlak syarikat-syarikat yang dilantik. Cadangan pelantikan secara rundingan terus ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kelantan;
 4. Tuduhan ke atas cadangan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (**TAPS**) di Labok, Machang sebagai cadangan nak habiskan duit dan tidak boleh selesaikan masalah air di Kelantan adalah TIDAK BENAR. Tujuan TAPS dibina adalah untuk mengumpul air air sungai dengan dua tujuan utama iaitu sebagai sumber air mentah untuk LRA dan sebagai tebatan banjir. Dengan adanya TAPS, perkhidmatan bekalan air terawat oleh AKSB akan dapat ditingkatkan dari aspek jaminan kuantiti dan tekanan air serta akan meningkatkan liputan bekalan air terawat di Negeri Kelantan;
 5. Tuduhan sistem rawatan air Chemiles di LRA Kg. Chap gagal adalah TIDAK BENAR kerana loji ini telah beroperasi sejak tahun 2015. Kerosakan di loji yang mula dikesan pada tahun 2020 iaitu selepas beroperasi selama lebih lima tahun, merupakan keperluan kepada

kerja-kerja penyelenggaraan ke atas loji tersebut. Tuduhan kontraktor yang gagal dalam pembangunan LRA Kg. Chap dilantik oleh AKSB untuk pembangunan LRA Meranti Baru adalah TIDAK BENAR; dan

6. Pada masa sekarang, AKSB sedang giat melaksanakan projek yang telah diluluskan pinjaman oleh PAAB bagi tempoh OP4 (4th *Operating Period: 2021-2023*) untuk meningkatkan bekalan air terawat kepada pengguna-pengguna AKSB melalui pelaksanaan program pengurangan air tak terhasil (*non-revenue water - NRW*) dan pembangunan fasiliti perkhidmatan bekalan air awam terawat yang baharu.

**Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Pengurus Besar
Air Kelantan Sdn. Bhd.
15 Syawal 1443/16 Mei 2022**